

# Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah bagi menyemarakkan Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1439 Hijrah



MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri; Menteri Hal Ehwal Ugama; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan; Menteri Perhubungan dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Mufti Kerajaan di antara yang hadir Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang turut diadakan di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah bagi menyemarakkan Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah.

## Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah

**KIARONG, Jumaat, 13 April.** - Dalam menyemarakkan Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid telah mengunghakaykahkan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang turut diadakan di Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, di sini.

Antara yang hadir ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong;

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Perhubungan, Yang Berhormat, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar


Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Juga hadir ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz yang juga membacakan Surah As-Sajdah pada rakaat pertama diikuti dengan Surah Al-Insan pada rakaat kedua.

Majlis turut diserikan dengan Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Timbalan Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali UNISSA,

Dr. Haji Hussin bin Pehin Penyurat Haji Ahmad dengan tajuk 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkat' ini diikuti dengan bacaan



PARA jemaah sama-sama menyemarakkan Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Tahun 1439 Hijrah dengan bacaan Surah Al-Kahfi beramai-ramai.

**Berita dan Foto :**  
Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

Surah Al-Kahfi beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Ugama Kanan, Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Ustaz Haji Harris bin Haji Suboh dan seterusnya Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Usaha seumpama ini dilaksanakan adalah untuk meningkatkan keramaian jemaah menunaikan Sembahyang Fardu Subuh secara berjemaah di samping memakmurkan rumah Allah dengan memaikaikan kehadiran jemaah mendirikan sembahyang secara berjemaah, seperti petikan hadis yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari, sembahyang berjemaah itu lebih afdal daripada sembahyang berseorangan dengan kelebihan 27 darjat.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud antara yang hadir di majlis tersebut.



**Oleh :** Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi  
**Foto :** Hamzah Mohidin

sembahyang berjemaah.

Di akhir tazkirahnya, beliau seterusnya menyeru agar kita semua dikuatkan azam dan mohon doa serta istiqamah kepada Allah untuk sentiasa rajin mengerjakan ibadah sembahyang dan berjemaah di masjid.

Hadir sama mengimarahkan masjid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu dan Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Amir Hairil bin Awang Haji Mahmud.

Sebelum mengakhiri acara, bacaan Surah Al-Kahfi beramai-ramai dibacakan yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Shafrilllah bin Haji Ahmad yang juga memimpin Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Acara berkenaan adalah bersempena sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara 1439 Hijrah / 2018 Masihi.

## Masjid Utama Mohamad Salleh, Pekan Bangar

**TEMBURONG,** Jumaat, 13 April. - Amalan yang dicintai oleh Allah Subhanahu Wata'ala adalah sembahyang yang dikerjakan tepat pada waktunya.

Sembahyang berjemaah merupakan sesuatu yang agung

dan besar kelebihan ganjaran darjatnya sebanyak 27 kali ganda berbanding solat bersendirian.

Demikian antara pengisian tazkirah yang disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassaniil Bolkiah, Awangku

Faris Ramadhani bin Haji Sellahuddin sejourus selesai Sembahyang Fardu Subuh yang berlangsung di Masjid Utama Mohamad Salleh, Pekan Bangar di sini.

Menurut Awangku Faris Ramadhani, sembahyang berjemaah merupakan salah satu cara dalam mengukuhkan lagi perpaduan kalangan umat Islam.

Dari itu, beliau juga mengucapkan tahniah kepada para jemaah yang menghidirkan diri ke rumah Allah, dalam sama-sama menunaikan solat berjemaah

kerana keimanan di hati mereka walaupun ada yang tinggal jauh dari masjid.

Katanya, kita sama-sama muhasabah diri sendiri kerana banyak kebaikan mengerjakan sembahyang berjemaah, antaranya khushyuk dan tidak leka berbanding sendirian di rumah.

Selain itu, Awangku Faris Ramadhani juga menceritakan beberapa kisah para ulama yang begitu peka akan solat berjemaah, antaranya cerita seorang lelaki sehingga membuatnya menangis berikutan tertinggal